

31 OCT 2001

Bahrain-tiba

PERDANA MENTERI BAHRAIN TIBA UNTUK LAWATAN DUA HARI

SEPANG, 31 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Bahrain, Shaikh Khalifa bin Salman Al Khalifa tiba hari ini untuk lawatan dua hari bagi mengukuhkan hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi.

Pesawat khas yang membawa beliau dan rombongan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada 2 petang.

Ketibaan pemimpin Bahrain itu disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar. Kali terakhir beliau melawat Malaysia ialah pada Januari lepas.

Bahrain yang terletak di bahagian barat Teluk Parsi, mengandungi 33 pulau dan mempunyai 650,000 penduduk. Ibu negaranya ialah Manama.

Sejak minyak mentah ditemui sekitar 30an, ekonomi Bahrain bergantung kepada pengeluaran dan penapisan minyak.

Bagaimanapun, kerajaan Bahrain telah memajukan industri berasaskan aluminium dan pelancongan selain menjadikan negara itu sebagai sebuah pusat perbankan antarabangsa.

Esok, Shaikh Khalifa akan menghadap Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin dan kemudian mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya.

Kuala Lumpur dan Manama akan menandatangani dua memorandum persefahaman, satu mengenai penubuhan Pusat Perdagangan dan Penedaran Malaysia, dan satu lagi mengenai pembangunan sistem perbankan dan kewangan Islam di Bahrain.

Bahrain dan Petronas pula akan menandatangani dua perjanjian cari gali dan pengeluaran bersama minyak membabitkan dua kawasan di luar pesisir negara itu.

Satu lagi dokumen akan ditandatangani oleh syariaht temaptan, Tekno Logam Sdn Bhd dan rakan sekutunya di Bahrain, Tekno Logam Company, untuk menubuhkan sebuah kilang di Bahrain bagi mengeluarkan antara lainnya, gasket dan penyambung paip logam.

Sehingga Ogos lepas, perdagangan dua hala berjumlah RM224.8 juta yang memihak kepada Bahrain.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di permulaan lawatan itu, Shaikh Khalifa berkata terdapat beberapa prinsip yang membolehkan kedua-dua negara menjalin hubungan yang baik.

Katanya kedudukan itu diasaskan kepada pertalian Islam yang menyediakan ruang kerjasama yang luas.

"Dalam rangka kerja ini dan dengan mengambil kira kejadian di arena antarabangsa, kami ingin melihat negara-negara Islam mengambil pendirian yang satu untuk berdepan dengan sebarang cubaan menyalahgunakan Islam kerana Islam menolak sepenuhnya apa juga bentuk keganasan sebaliknya mahukan toleransi dan perpaduan sesama insan," katanya.

Sheikh Khalifa juga menyampaikan salam daripada Amir Bahrain, Shaikh Hamad bin Essa Al Khalifa kepada pemimpin-pemimpin dan rakyat Malaysia.

Katanya beliau berharap lawatannya itu akan mengukuhkan hubungan persaudaraan serta kerjasam antara Bahrain dan Malaysia.

-- BERNAMA

MAM AZH MAI